

## Di mana pemohon adalah Syarikat Awam Berhad atau Sendirian Berhad

**Dokumen Umum - diperlukan oleh bank untuk dilampirkan bersama borang permohonan**

Senarai ini boleh ditambah. Bank mungkin akan meminta maklumat tambahan daripada pemohon, bergantung dari kes ke kes.

Jenis-jenis Dokumen	
<b>Seksyen 1</b>	<b>Latar belakang Syarikat dan mereka-mereka yang terlibat dalam Syarikat</b>
1	Salinan Sijil Penubuhan yang telah disahkan.
2	Memorandum dan Artikel Penubuhan yang telah disahkan.
3	Salinan Borang 24 ( Penjualan saham) dan Borang 49 (Butir-butir berkenaan dengan Pengarah, Pengurus dan Setiausaha Syarikat)
4	Salinan kad pengenalan pengarah-pengarah ( <b>passport</b> , jika warganegara luar)
5	Salinan kad pengenalan penjamin (pihak ketiga), di mana diperlukan
6	Profil Syarikat dan kakitangan Pengurusan Kanan berserta carta organisasi syarikat (mana berkaitan)
7	Maklumat berkenaan Anak Syarikat ( <i>Subsidiary</i> ) / Syarikat Induk ( <i>Parent Company</i> ) (di mana bersesuaian)
<b>Seksyen 2</b>	<b>Maklumat Kredit dan Kewangan</b>
1	Maklumat peribadi orang-orang* berkaitan dalam Syarikat (seperti maklumat berkaitan dengan nilai bersih dan pendedahan kewangan) dan bukti ke atas pendapatan misalnya Borang J/Borang EA, untuk 2 tahun terakhir).
2	Akaun Perniagaan yang telah diaudit untuk tempoh 3 tahun terakhir (tempoh masa pengauditan dijalankan hendaklah tidak melebihi 18 bulan dari tarikh permohonan dibuat), di mana bersesuaian.
3	Akaun Pengurusan (untuk tempoh di antara pengauditan terakhir dijalankan hingga kini)
4	Penyata-penyata akaun bank bagi tempoh 6 bulan terakhir (atau melebihi 6 bulan, atas budi bicara bank)
5	Butir-butir kemudahan kredit dengan lain-lain institusi kewangan termasuk cagaran yang telah dipersetujui.
<b>Seksyen 3</b>	<b>Maklumat Pelanggan/ Pembekal/Pesaing</b>
1	Senarai semasa pemiutang dan penghutang mengikut pengusuaian (termasuk maklumat berhubung dengan had kredit dan terma)
2	Senarai 10 pembekal-pembekal/pembeli-pembeli utama
3	Senarai pesaing utama (di mana bersesuaian)

\* Merujuk kepada Pengarah/ Pemegang Saham/ Penjamin (yang mana berkaitan)